

PMO tangani serangan terhadap Najib

Kuala Lumpur: Pejabat Perdana Menteri (PMO) bekerja keras untuk menangani serangan terhadap Najib membabitkan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Saksi pendakwaan kelapan, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin, 43, dalam keterangannya berkata, penghujung tahun 2014 dan awal 2015 adalah tahun yang sukar bagi PMO.

Amhari Efendi berkata, ia adalah kerana banyak rencana dan dokumen yang dikatakan bukti mengenai isu penyelewengan 1MDB sudah dikeluarkan.

“Pada waktu itu juga terdapat begitu banyak serangan mengenai isu 1MDB dan kami di PMO mengambil keputusan untuk ‘mempertahan’ kerana kami percaya ia adalah konspirasi kepada Datuk Seri Najib,” katanya.

Amhari berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan semula.

Sementara itu, Amhari Efendi berkata, Najib tidak mengeluarkan sebarang arahan untuk melaporkan isu skandal 1MDB itu kepada pihak berkuasa termasuk polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata, perkara berhubung 1MDB sering dijadikan topik utama dalam mesyuarat pengurusan di PMO.

“Walaupun sering mengangkat isu (1MDB) dalam mesyuarat tetapi ia tidak dibincang secara terperinci.

“Sebagai contoh isu berhubung PetroSaudi di mana yang didakwa adalah duit salah guna 1MDB, ia termasuk gaya hidup

mewah Jho Low dan filem *Wolf Of The Wall Street* yang dikatakan menggunakan duit 1MDB,” katanya.

Saksi turut disoal berhubung keterangannya sebelum ini bahawa ketuanya, iaitu Ketua Setiausaha Sulit, Allahyarham Datuk Azlin Alias sambil pernah menghempaskan fail sambil berkata ‘Duit 1MDB laa Bro...’ kepadanya di pejabat dalam satu kejadian sebaik selesai mesyuarat pengurusan.

Sri Ram: Bilakah perkara itu berlaku?

Amhari: Sekitar awal 2015 sebelum Datuk Azlin meninggal. Beliau melafazkan ayat itu terhadapnya selepas turun dari pejabat Najib.

Sri Ram: Adakah isu itu ada-

lah paling hangat?

Amhari: Pada waktu itu tiada isu lebih hangat selain duit 1MDB diselewengkan.

“Berdasarkan kata-kata Datuk Azlin itu, saya boleh rumuskan bahawa ia merujuk kepada masalah paling hangat dan sukar ketika itu termasuk isu PetroSaudi dan *Wolf Of The Wall Street*.

Sri Ram: Wolf Of The Wall Street itu merujuk kepada apa?

Amhari: Filem yang dikeluarkan oleh Riza Aziz iaitu anak tiri Najib.

Sementara itu, ditanya Sri Ram sama ada beliau (saksi) adalah pemilik syarikat Tycoon Gain Ltd dan Aabar Investment PJS Ltd (BVI), Amhari Efendi menjawab “tidak.”